

## ABSTRAK

Topik ini adalah perbincangan mengenai Perkahwinan Campur Dan Kesan-kesannya Terhadap Masyarakat Islam: Satu Kajian Di - Wilayah Persekutuan. Kajian penulis adalah mengenai perkahwinan campur yang berlaku disekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Apakah masalah serta kesan-kesan yang timbul terhadap masyarakat Islam akibat daripada perkahwinan campur ini sama ada mempengaruhi suami-isteri itu sendiri ataupun anak-anak mereka .

Kawasan yang menjadi tumpuan kajian juga dijelaskan. Ia di ketahui pada Bab Pertama, iaitu latar-belakang daerah kajian, pengenalan serta peratus masyarakat yang berbilang etnik di situ seperti Melayu, Cina, India, Sikh dan lain-lain bangsa. Sedikit sejarah asal Kuala Lumpur, kegiatan ekonomi dan sosio-ekonomi masyarakat Kuala Lumpur. Penulis juga mendefinisikan perkahwinan di dalam Islam dan perkahwinan di dalam bab ini, termasuk juga definisi perkahwinan campur.

Pada Bab Kedua, penulis menjelaskan mengenai apakah kaedah methodologi yang digunakan untuk mendapat maklumat seperti kaedah temubual, soal-selidik dan juga observasi serta apakah kaedah - kaedah yang digunakan dalam mengutarakan soalan-soalan kepada responden.

Pada Bab Ketiga iaitu analisa data dan penyelidikan, penulis menekankan mengenai apakah faktor-faktor yang menyebabkan perkahwinan campur ini berlaku, berapa peratusnya dan apakah masalah-masalah utama serta masalah-masalah sampingan yang timbul akibat daripada perkahwinan campur ini terhadap individu, agama dan masyarakat Islam melalui soal-selidik, temubual dan observasi.

Pada Bab Keempat iaitu penutup, penulis membuat rumusan dan saranan iaitu pandangan penulis mengenai tajuk ini dan kesan-kesan yang timbul terhadap masyarakat Islam akibat daripada perkahwinan ini.

Apa yang di harapkan agar kajian ini walaupun banyak kekurangannya dari segi bahan-bahan rujukan, tidak mendapat sokongan daripada responden dan tidak ada kajian yang dibuat sebelum ini mengenai tajuk penulis. Namun demikian penulis harapkan agar kajian ringkas ini dapat menjadi panduan kepada semua masyarakat Islam untuk membuat penilaian agar mereka berfikir terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan lebih-lebih lagi dalam memilih isteri-isteri yang berbangsa asing.